



Lapan sekolah ditutup

Kota Kinabalu: Seramai 1,972 murid dan 176 guru dari lapan sekolah di empat daerah di sini, sekali lagi bercuti selepas sekolah mereka dinaiki air berikutan hujan lebat sejak minggu lalu.

Pengarah Jabatan Pendidikan negeri Datuk Jame Alip berkata, empat daerah yang terjejas ialah Kota Kinabalu, Papar, Kota Belud dan Beaufort.

“Sehingga jam 10 pagi tadi (semalam), empat sekolah di Kota Kinabalu iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) St Catherine, SK Gudon, SK Rampayan dan SK Natai terjejas dan terpaksa ditutup.

“Dua sekolah di Beaufort iaitu SK Tamalang dan Sk Lembah Poring serta SK Sumbiling di Papar dan SK Menunggu di Kota Belud ditutup

akibat dilanda banjir atau jalan masuk terhalang kerana dinaiki air.

“Penutupan sekolah atas faktor keselamatan bagi mengelak kejadian tidak diingini,” katanya selepas menghadiri Sesi Dialog antara Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan Sarawak di Wisma Pendidikan di sini, semalam.

Pengarah Pendidikan Sarawak, Serina Sauni berkata, dia difahamkan berlaku runtuh tanah dalam kawasan sekolah dan pihaknya sudah mengarahkan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) meninjau lokasi kejadian.

“Laporan penuh mengenai kejadian itu akan dihantar ke Pejabat Pendidikan Negeri (JPN) Sabah secepat mungkin,” katanya.

Air sungai melimpah

Kota Kinabalu: Enam daerah pantai barat di sini, dinaiki air semula berikutan hujan lebat tanpa henti sejak malam kelmarin yang menyebabkan air beberapa sungai sekitar Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran, Beaufort, Papar dan Kota Belud melimpah sehingga membanjiri penempatan penduduk, khususnya di kawasan rendah.

Penduduk Kampung Penampang, Proper Johnny Ginsu, 52, berkata, hujan menyebabkan paras air Sungai Moyog naik semula dan membanjiri kampung berhampiran kira-kira jam 8 pagi semalam.

“Sebelum kejadian, sebahagian penduduk membersihkan rumah akibat banjir, awal minggu ini.

“Namun, jiran beritahu air sungai melimpah menyebabkan saya bergas memindahkan kenderaan ke kawasan tinggi.

“Beberapa penduduk turut meninggalkan rumah masing-masing sebagai persiapan awal bagi menghadapi banjir kedua ini,” katanya yang ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, 14 keluarga dipindahkan selepas rumah mereka di Kampung Kegeyungan, Tuaran, dinaiki air kira-kira jam 2.30 pagi

semalam.

Selain itu, dua keluarga juga dipindahkan selepas banjir melanda Kampung Suang dan Tanjung Marajah di Kota Belud.

Difahamkan, paras air Sungai Tempasuk meningkat ke tahap bahaya berikutan hujan lebat di hulu sungai itu.

Beberapa laluan utama terputus dan tanah runtuh dilaporkan berlaku di Bundu Tuhan, Ranau dan Notoruss, Penampang.

Jabatan Kerja Raya (JKR) menutup laluan di Kilometer 22 Jalan Tambunan-Penampang.



PEMANDU lori terpaksa bersabung nyawa melalui jalan yang dinaiki air.